

Cekap

Majalah Kecekapan Tenaga Untuk Semua
Isu: 04 | Mei 2024

Musim Perayaan: Usah
Lalai Dengan Keselamatan
Elektrik Dan Gas

Bagaimana ICPT
Mempengaruhi Bil Elektrik
Anda

Penggunaan Elektrik Dan
Kestabilan Iklim: Apa
Kaitannya?

Tip Jimat Tenaga Semasa
Cuaca Panas

**ENERGY BUDGET:
CIRI myTNB YANG
MEMBANTU ANDA MENJADI
PENGUNA BIJAK**

e ISSN 2990-9465



9 772990 946002

Isi Kandungan

04-06

Energy Budget: Ciri myTNB Yang Membantu Anda Menjadi Pengguna Bijak



07

Tip Cepak Tenaga!

08-09

Musim Perayaan: Usah Lalai Dengan Keselamatan Elektrik Dan Gas

10

Tip Cepak Tenaga!

11-13

Bagaimana ICPT Mempengaruhi Bil Elektrik Anda

14

Tip Cepak Tenaga!

15-16

Penggunaan Elektrik Dan Kestabilan Iklim: Apa Kaitannya?


17

Tip Cepak Tenaga!

18-20

Tip Jimat Tenaga Semasa Cuaca Panas

15



Sidang Redaksi

PENASIHAT

Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason

Presiden FOMCA

Dato' Dr. Paul Selva Raj

Timbalan Presiden FOMCA

KETUA SIDANG PENGARANG

Dr. Saravanan Thambirajah

Ketua Pegawai Eksekutif FOMCA

Fadhli Abdullah

*Head, Customer Engagement,
Advanced Metering Infrastructure (AMI),
Distribution Network Division, TNB*

SIDANG PENGARANG

Maizatul Aqira Ishak

Muhammad Yusman Pauzi (TNB)

Nur Zawanah Zamri

Nur Asyikin Aminuddin

DITERBITKAN OLEH:

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia

No. 24, Jalan SS1/22A, 47300 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

Tel: [+603 7876 4648](tel:+60378764648)

E-mel: fomca@fomca.org.my

Sesawang: www.fomca.org.my

DENGAN KERJASAMA:

Tenaga Nasional Berhad

Wisma TNB, No. 19, Jalan Timur,
46200 Petaling Jaya Selangor, Malaysia

Tel: [+603-7967 9000](tel:+603-79679000)

Fax: [+603-7960 0343](tel:+603-79600343)

Sesawang: www.tnb.com.my



Majalah Cekap merupakan penerbitan usaha sama antara FOMCA dan TNB. Majalah ini menyiarkan maklumat menarik mengenai kesedaran dan kecekapan penggunaan tenaga yang sesuai dengan pengguna di Malaysia.

RAKAN KONGSI PENERBITAN DIGITAL:

Wordlabs Global Sdn Bhd

No.617, Block D, Kelana Square,
17 Jalan SS7/26, Kelana Jaya,
47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia

Tel: [+603 7886 4933](tel:+60378864933)

Fax: [+603 7803 0500](tel:+60378030500)

E-mel: info@wordlabs.com.my

Sesawang: www.wordlabs.com.my





Energy Budget: Ciri myTNB Yang Membantu Anda Menjadi Pengguna Bijak

Demi meningkatkan amalan penjimatan tenaga secara digital, aplikasi myTNB memperkasakan pelanggan dengan ciri pemantauan penggunaan tenaga harian dengan lebih mendalam.

DUNIA semakin beralih kepada pendekatan digital, di mana penggunaan bahan fizikal seperti kertas dan pen semakin berkurangan dalam kegiatan harian. Selaras dengan itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB), selaku syarikat utiliti elektrik terulung di Malaysia, telah memperkenalkan *Smart Meter* untuk pengguna. Setakat ini, terdapat lebih 3.8 juta premis di sebahagian kawasan di Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor, Ipoh, Putrajaya, Cyberjaya, Langkawi, Kuala Nerang, Melaka, dan Pulau Tenaga Hijau (Pulau Perhentian dan Pulau Redang)

telah dipasang dengan *Smart Meter*. *Smart Meter* membolehkan pengguna memantau dan mengurus penggunaan tenaga harian mereka melalui aplikasi myTNB. Aplikasi myTNB juga akan membolehkan pengguna melihat bil elektrik terkini dan terdahulu, dan pembayaran boleh dilakukan pada bila-bila masa dan di mana jua. Pendekatan ini mengurangkan kebergantungan pada bil kertas. Akses terhadap semua maklumat yang diperlukan melalui aplikasi myTNB ini bukan sahaja menguntungkan anda, tetapi juga baik untuk alam sekitar.



TNB juga telah mewujudkan ciri pemantauan bajet iaitu *Energy Budget*. Melalui ciri ini, pengguna *Smart Meter* boleh menetapkan had penggunaan elektrik bulanan dan memantau penggunaan secara langsung atau *real-time*.


Untuk menikmati ciri eksklusif *Smart Meter* ini, aplikasi myTNB perlu dikemaskini ke versi terkini. Selepas itu, paparan mengenai ciri *Energy Budget* telah tersedia untuk diakses.


Kawal penggunaan dengan *Energy Budget*

Tekan pada butang 'Get Started!' dan anda boleh menetapkan *Energy Budget* dengan menekan butang 'Set Now'. Pelanggan yang memiliki lebih dari satu kediaman dengan akaun *Smart Meter*, perlu memilih akaun yang berkaitan untuk menetapkan *Energy Budget* pada premis tersebut. Selepas itu, anda boleh menetapkan had bajet (dalam RM) dan tekan pada 'Save New Budget'.

Anda boleh merujuk kepada paparan bar menegak yang memberikan gambaran jelas berapa banyak tenaga yang telah digunakan dan baki yang tinggal berdasarkan had bajet anda.

Anda juga akan menerima notifikasi apabila penggunaan mencecah 75% dan 100% daripada had yang anda tetapkan melalui *Energy Budget*. Anda tidak perlu bimbang jika *Energy Budget* anda telah mencecah 100%. Bekalan elektrik anda tidak akan terputus. Namun, anda boleh menganalisa dan membuat penyesuaian yang diperlukan agar penggunaan elektrik pada masa hadapan lebih terkawal.






“Saya akan menerima notifikasi jika penggunaan elektrik melebihi 75% daripada had belanjawan yang ditetapkan”

Untuk pemasangan Smart Meter, anda akan mendapat surat rasmi daripada TNB untuk memaklumkan rumah anda telah dikenal pasti bagi pemasangan *Smart Meter*. Seterusnya, pemasangan dan penyambungan akan dilakukan oleh pihak TNB. *Smart Meter* telah berjaya dipasang di sebahagian kawasan di Lembah Klang, Pulau Pinang, Johor, Ipoh, Putrajaya, Cyberjaya, Langkawi, Kuala Nerang, Melaka, dan Pulau Tenaga Hijau (Pulau Perhentian dan Pulau Redang). Pemasangan *Smart Meter* ini adalah percuma.

Muat turun aplikasi myTNB menerusi **Android**, **iOS** dan **Huawei App Gallery**. Untuk butiran lanjut tentang *Smart Meter*, sila layari Portal myTNB di www.mytnb.com.my/smart-meter



Analisis Pengurangan Penggunaan Tenaga Melalui *Energy Budget (EB)* - Nov 2023

Lebih **265,000** akaun pengguna yang menggunakan *Energy Budget (EB)* setakat Nov 2023 di mana hampir **60%** menikmati pengurangan dalam bil bulanan mereka.

- Setakat Nov 2023:**
1. Jumlah pengurangan penggunaan tenaga sebanyak 9.58 GWh dengan purata pengurangan dalam anggaran 67 kWh bagi setiap akaun pengguna.
 2. Jumlah pengurangan bil elektrik adalah di antara RM4 juta - RM 5 juta.



Tip Cekap Tenaga!

Gunakan peralatan elektrik yang berlabel "Cekap Tenaga 4 atau 5 Bintang".

Musim Perayaan: Usah Lalai Dengan Keselamatan Elektrik Dan Gas

SEMASA musim perayaan, ramai yang meninggalkan rumah untuk pulang ke kampung halaman atau pergi bercuti. Namun, usah lalai dengan keselamatan elektrik dan gas di rumah anda yang tidak berpenghuni pada waktu ini. Jom kita ikuti amalan keselamatan seperti berikut:



KESELAMATAN ELEKTRIK

1. Pastikan pendawaian elektrik di rumah selamat:

- Uji Peranti Arus Baki (PAB) dengan menekan butang uji 'T' sekurang-kurangnya sekali setiap sebulan. Jika PAB berfungsi dengan baik, ia akan terlepas dan bekalan elektrik akan terputus serta-merta.
- Dapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga (ST) untuk menggantikan PAB sekiranya PAB tidak berfungsi.

2. Langkah-langkah keselamatan untuk peralatan elektrik

- Wayar peralatan elektrik tidak koyak atau terdedah sebelum digunakan.
- Guna peralatan elektrik dan lampu hiasan dengan label keselamatan ST-SIRIM.
- Tangan dalam keadaan kering semasa menggunakan peralatan elektrik.
- Suis dan peralatan elektrik yang tidak digunakan di rumah dimatikan sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti.



3. Elakkan membebani soket dengan menggunakan peralatan elektrik yang berlebihan atau dengan beban yang tinggi.
4. Elakkan menggantung perhiasan perayaan pada tiang elektrik.
5. Elakkan mengguna telefon bimbit semasa ia sedang dicas.

KESELAMATAN GAS


1. Pastikan dapur gas memasak adalah selamat:

- Guna perkakas dapur gas yang mempunyai label keselamatan ST-SIRIM.
- Peka dengan kewujudan bau kebocoran gas di kawasan dapur memasak.
- Menyediakan ruang pengudaraan secukupnya di kawasan dapur memasak dengan membuka tingkap atau pintu ketika memasak.



2. Sekiranya mengesan bau gas, pastikan langkah berikut diambil:

- Buka tingkap atau pintu untuk galakkan pengudaraan di kawasan tersebut;
- Jangan buka atau tutup suis di kawasan tersebut.
- Jangan membawa peralatan elektrik yang boleh mencetuskan penyalaan atau “spark” berhampiran kawasan dapur memasak.
- Cari kebocoran gas dengan menggunakan Alat Pengesan Kebocoran Gas atau buih sabun dan baiki dengan segera.



3. Jangan tinggalkan dapur gas memasak ketika digunakan tanpa pengawasan sepenuhnya.

4. Dapatkan perkhidmatan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST untuk sebarang kerja pembaikan gas berpaip di rumah.

5. Pastikan injap silinder gas ditutup sekiranya anda pulang ke kampung atau bercuti.

Sekiranya ingin mendapatkan perkhidmatan kontraktor elektrik dan kontraktor gas yang berdaftar dengan ST, sila imbas Kod QR yang tertera di sebelah kanan:



KONTRAKTOR ELEKTRIK



KONTRAKTOR GAS

Untuk maklumat lanjut, layari laman sesawang ST di www.st.gov.my atau boleh berhubung di talian **03-8870 8500**.




Tip Cekap Tenaga!

Tetapkan suhu penyaman udara pada suhu tidak kurang daripada 24 darjah celsius dan servis penyaman udara anda secara berkala.

Bagaimana ICPT Mempengaruhi Bil Elektrik Anda

Mekanisme ICPT merupakan kos bahan api dan kos penjanaan elektrik akan disemak setiap enam (6) bulan dan dilepaskan kepada pelanggan elektrik dalam bentuk rebat atau surcaj bergantung kepada penjimatan atau peningkatan kos yang terlibat. Lebih 90% daripada elektrik yang dijana di Malaysia menggunakan arang batu dan gas. Sebanyak 85% pengguna kediaman terus menikmati rebat 2 sen/kWj untuk penggunaan tenaga yang tidak melebihi 600 kWj sebulan.

PADA 2014, Suruhanjaya Tenaga (ST) memperkenalkan Kawal Selia Berasaskan Insentif (*Incentive Based Regulation, IBR*) bagi mengawal selia serta meningkatkan kecekapan industri bekalan elektrik negara. Melalui IBR, asas tarif elektrik ditetapkan setiap tiga tahun. Ia mengambil kira kos merangkumi penjanaan, penghantaran dan pembahagian tenaga elektrik. IBR juga membolehkan kerajaan memantau kos pembekalan tenaga elektrik secara lebih berkesan.




Kiraan Bil Bulanan

Pengasingan jumlah bil untuk ST, ICPT & KWTBB

BIL ELEKTRIK ANDA

No. Akaun
No. Kontrak
Deposit
No. Invois



TERIMA KASIH
Kerana Membayar Dalam Tempoh 30 Hari
TNB Careline
1-300-88-5454

Jumlah Perlu Dibayar : RM 39.60 Tarikh Bil : 12.04.2022 Bil : OPC

Tunggakan	RM	0.00	Bayar Sebelum	RM	631.67
Caj Semasa	RM	39.60	Terima Kasih	RM	631.67
Penggunaan	RM	0.00			
Jumlah Bil	RM	39.60	12.05.2022		
Bil Terdahulu (12.03.2022)	RM	631.67	Bayaran Akhir (13.03.2022)	RM	631.67
Jenis Bacaan	Bacaan Sebenar				
Tempoh Bil	13.03.2022 - 12.04.2022 (31 Hari)		Faktor Prorata		
Tarif	A.Kediaman		1.00090		
Blok Tarif (kWh)	200	Kegunaan (kWh)	200.00	Kadar(RM)	0.2180
Jumlah			200.00	Amaun(RM)	43.60

Keterangan	Tidak Kena ST	Kena ST	Jumlah
Kegunaan kWh	200.00	0.00	200.00
Kegunaan RM	43.60	0.00	43.60
ICPT (-RM0.02/kWh)	-4.00	0.00	-4.00
Kegunaan Bulan Semasa	39.60	0.00	39.60
Service Tax (6%)			0.00
Caj Semasa			39.60

No. Meter	Faktor Meter	Bacaan Meter		Kegunaan	Unit
		Dahulu	Semasa		
M	MT99028737	1.6000	48.046.00	48.246.00	200.00 kWh

For TNB Internal Use
No. MRU: 34100149
No. Sequence: 22

JomPAY Biller Code: 5454
Ref-1: 220589917510

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Arah dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit

Aras 13, Wisma TNB, No 19, Jalan Timur, 46200 Petaling Jaya, Selangor
Nombor Pendaftaran ST W10-1808-31022372

Harga bahan api adalah kos terbesar dalam penjanaan tenaga elektrik dan merupakan faktor utama yang menentukan tarif elektrik. Pelepasan Kos Tidak Seimbang (*Imbalance Cost Pass-Through, ICPT*) adalah satu mekanisme di bawah IBR yang membolehkan kos bahan api diselaraskan setiap enam bulan berdasarkan turun naik harga global bahan api.

Caj ICPT adalah caj yang dikenakan untuk setiap kilowatt jam (kWj) tenaga elektrik yang digunakan. Ia merupakan komponen boleh ubah dalam bil elektrik berdasarkan penggunaan tenaga elektrik pengguna setiap bulan. ICPT adalah caj yang dilepaskan secara terus dan pengiraannya adalah mengikut penggunaan bulanan tenaga elektrik dalam unit kWj didarab dengan kadar ICPT (sen/kWj). Caj ini kemudiannya akan ditambah atau ditolak daripada jumlah bil semasa pengguna.

Mengikut kenyataan ST, kerajaan telah memutuskan untuk mengekalkan rebat 2 sen/kWj untuk pengguna Kediaman (Domestik - Tarif A) dengan penggunaan elektrik sebanyak 600 kWj dan ke bawah sebulan. Sebanyak 85% pengguna kediaman di Semenanjung Malaysia tidak terjejas dengan pelarasan tarif elektrik bagi tempoh 1 Januari hingga 30 Jun 2024.

“Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu” (KWTBB) atau “*The Renewable Energy Fund*” bermaksud dana yang dikutip oleh Kerajaan melalui penggunaan elektrik pengguna. Dana ini akan digunakan untuk menggalakkan pertumbuhan penjanaan elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui.

Selaras dengan Akta Tenaga Boleh Diperbaharui 2011 (Akta RE 2011), dana Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) (KWTBB) dikutip melalui surcaj penggunaan elektrik pengguna pada kadar 1.6%.

Pengguna Kediaman (Domestik - Tarif A)

Bagi golongan pengguna kediaman dengan penggunaan elektrik melebihi 600 kWj hingga 1,500 kWj sebulan pula, tiada surcaj akan dikenakan. Manakala, bagi pengguna kediaman dengan penggunaan elektrik bulanan melebihi 1,500 kWj, kadar surcaj dikekalkan pada kadar 10 sen/kWj. Sehubungan dengan itu, sejumlah 99% atau 8.2 juta pengguna kediaman masih menerima subsidi daripada kerajaan.

Selanjutnya, pengguna bukan domestik iaitu kategori tarif komersial dan perindustrian voltan rendah (tarif B dan D), tarif pertanian spesifik (tarif H, H1 dan H2) serta operator air dan pembetungan, tidak akan mengalami kenaikan tarif elektrik, dan dikekalkan pada kadar 3.7 sen/kWj. Untuk pengguna bukan domestik lain pula, surcaj kekal pada kadar 17 sen/kWj. Kerajaan melalui Kementerian Peralihan Tenaga & Transformasi Air (PETRA) telah bersetuju untuk mengurangkan kadar surcaj ICPT bagi kategori lampu jalan (tarif G & G1) di bawah seliaan PBT daripada 17 sen/kWj


kepada 10 sen/kWj bagi tempoh 1 Mac 2024 hingga 30 Jun 2024.

Berdasarkan kepada penyasaran semula subsidi ini, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM1.9 bilion subsidi kepada semua kategori pengguna terbabit bagi meminimumkan impak surcaj ICPT sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut. Justeru, pengguna dinasihatkan untuk merujuk kepada bil elektrik bulanan masing-masing bagi memantau penggunaan elektrik dan subsidi yang diberikan.

Bagi pengguna yang ingin menganggarkan kos bil elektrik bulanan pada masa akan datang, ST menyarankan penggunaan kalkulator tarif elektrik yang boleh didapati di laman sesawang myelectricitybill.my.


Pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme ICPT itu adalah terpakai bagi semua pengguna di Semenanjung Malaysia kecuali pengguna di Kulim Hi-Tech Park, Kedah.





Tip Cekap Tenaga!

Pastikan suis peralatan elektrik dimatikan sebelum meninggalkan rumah atau ruang pejabat.



Penggunaan Elektrik Dan Kestabilan Iklim: Apa Kaitannya?

Artikel ini menekankan keperluan untuk beralih kepada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) serta pentingnya kerjasama dalam usaha mengurangkan emisi gas rumah hijau untuk kelestarian ekonomi dan kesejahteraan sosial.

PENGGUNAAN elektrik mempunyai peranan penting dalam hubungan di antara kestabilan iklim dan cuaca. Elektrik digunakan dalam pelbagai sektor, termasuk industri, pengangkutan, dan rumah. Hasil elektrik sering melibatkan pembakaran bahan bakar fosil yang menyumbang kepada gas rumah hijau (GHGs) seperti karbon dioksida (CO₂), metana (CH₄), dan nitrus oksida (N₂O).

Penggunaan elektrik berkait rapat secara langsung dengan peningkatan GHGs. Sumber tenaga seperti pembangkit elektrik yang menggunakan bahan bakar

Kenaikan kepekatan GHGs dalam atmosfera menyebabkan pemanasan global yang mempengaruhi iklim dan cuaca.

fosil melepaskan CO₂ dan gas lain ke atmosfera yang menyumbang kepada pemanasan global. Selain itu, dalam proses penghasilan elektrik, terdapat juga kemungkinan kebocoran gas metana yang lebih berbahaya.

Selain itu, penggunaan elektrik melalui sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) dapat meninggalkan impak positif terhadap kestabilan iklim. Sebagai contoh, penggunaan TBB berasaskan solar dan angin dapat membantu mengurangkan kebergantungan pada bahan bakar fosil dan secara langsung akan mengurangkan emisi CO₂. Penyelidikan dan pembangunan dalam teknologi ini penting untuk mempercepatkan peralihan kepada ekonomi rendah karbon.

Seterusnya, terdapat juga kesan tidak langsung terhadap iklim dan cuaca akibat daripada penggunaan elektrik. Contohnya, penggunaan pengangkutan elektrik boleh mengurangkan penggunaan bahan bakar fosil. Namun, pengeluaran dan pembuangan bateri elektrik juga boleh mempunyai kesan negatif terhadap alam sekitar jika tidak diurus dengan baik.

Dalam konteks Malaysia, kestabilan iklim dan cuaca adalah penting untuk memastikan kesinambungan ekonomi dan kesejahteraan sosial. Peningkatan kesedaran tentang hubungan antara penggunaan elektrik dan kestabilan iklim telah mendorong tindakan seperti peningkatan penggunaan sumber TBB dan inisiatif efisiensi tenaga.

Walau bagaimanapun, kesan daripada langkah-langkah ini masih memerlukan kerjasama global dan usaha berterusan dalam mengurangkan emisi GHGs secara keseluruhan. Dengan memahami

hubungan ini, masyarakat Malaysia dapat memainkan peranan yang lebih aktif dalam usaha untuk melindungi alam sekitar dan memastikan kestabilan iklim masa depan.

Cara mudah untuk menangani penggunaan elektrik yang tinggi

1 Pendidikan kepada pengguna

- Kempen *Be Energy Smart* oleh Suruhanjaya Tenaga Malaysia.
- *Earth Hour* oleh Tabung Alam Sedunia/*World Wide Fund for Nature* (WWF). Mematikan elektrik selama satu jam bagi memperlambatkan perubahan iklim. Contoh: Lampu diod pemancar cahaya (LED) menghasilkan output yang sama tetapi dengan penjimatan kapasiti elektrik sehingga 90%.

2 Pemilihan peralatan elektrik yang mesra pengguna atau cekap tenaga

- Pengguna digalakkan membeli atau menggunakan peralatan elektrik yang berlabel cekap tenaga 4 atau 5 bintang berdasarkan Piawaian Minimum Prestasi Tenaga (MEPS).



Tip Cekap Tenaga!

Mematikan komputer peribadi apabila tidak digunakan.

Tip Jimat Tenaga Semasa Cuaca Panas



Memandangkan cuaca kering dan panas ketika ini, penggunaan elektrik mungkin meningkat. Lantaran itu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyarankan pengguna kediaman untuk mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemah sepanjang tempoh tersebut.

Untuk memantau penggunaan elektrik secara harian, pengguna digalakkan untuk memanfaatkan perkhidmatan Smart Meter sekiranya sudah dipasang di kediaman, sama ada melalui [portal](#) atau aplikasi myTNB.

Layari www.mytnb.com.my/energy-efficiency untuk mengetahui maklumat lanjut mengenai langkah penjimatan elektrik dengan bijak.

AMALAN PENJIMATAN TENAGA YANG MUDAH

Antara amalan penjimatan elektrik yang mudah dilakukan adalah seperti berikut:

Ruang tamu dan luar rumah

- Mematikan penyaman udara, kipas dan lampu di dalam bilik yang kosong.
- Mematikan suis peralatan elektrik seperti komputer selepas selesai menggunakannya.
- Tutupkan tingkap dengan langsir yang tebal supaya haba panas tidak masuk.




- Tidak meninggalkan peralatan elektrik di dalam mod sedia (*standby mode*).
- Gunakan lampu mentol LED yang tahan lebih lama serta lebih jimat tenaga.
- Gosok pakaian dalam jumlah yang banyak sekaligus.
- Memilih peralatan elektrik berlabel cekap tenaga 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga (ST).



Bilik tidur

- Pada waktu malam, gunakan kipas bagi membantu pengedaran udara di dalam bilik.
- Tetapkan masa untuk penyaman udara dimatikan bagi menjimatkan penggunaan elektrik.
- Kerap menyenggara penyaman udara membolehkan ia beroperasi pada tahap optimum. Bersihkan penapis agar udara sejuk dapat keluar dengan lebih lancar.



Dapur

- Elakkan letak peti sejuk di tempat yang panas seperti tempat yang terdedah kepada pancaran terus cahaya matahari atau berhampiran dengan dapur memasak.
- Susunkan barang-barang di dalam peti sejuk supaya hanya dua pertiga kapasiti ruangan peti sejuk dipenuhi. Ini dapat mewujudkan ruang pengedaran udara sejuk.
- Ketuhar gelombang mikro yang menggunakan tenaga yang rendah boleh menjimatkan tenaga elektrik sebanyak 10-25%.
- Tekan suis air panas hanya apabila ingin digunakan dan tutup sejeurus selesai. Elakkan suis alat pemanas air terbuka tanpa digunakan.
- Bagi mesin basuh, kumpul dan basuh pakaian dengan muatan penuh kerana penggunaan elektrik adalah sama antara muatan penuh atau separuh.
- Menjemur pakaian dengan sinaran matahari berbanding menggunakan mesin pengering selepas mencuci pakaian.



Bilik mandi

- Elakkan suis alat pemanas air terbuka tanpa digunakan.
- Mandi air sejuk tanpa menggunakan pemanas air membuatkan badan terasa lebih segar.



myTNB bersama anda!

Maklumat akaun anda dan pelbagai perkhidmatan TNB tersedia di hujung jari dengan aplikasi & portal myTNB. Pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja.



Nikmati kemudahan ini!



Tukar kepada e-Bil di aplikasi myTNB hari ini



Rancang penggunaan tenaga dengan Energy Budget*



Pantau penggunaan elektrik bulanan atau harian*



Hantar maklum balas

*ciri tersedia dengan smart meter



Segalanya lebih mudah di portal myTNB!



- Permohonan baharu sambungan bekalan elektrik



- Penukaran nama pemilik akaun



- Jadualkan janji temu untuk ke Kedai Tenaga

www.mytnb.com.my